



5 Mac 2012
5 March 2012
P.U. (A) 69

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG (EJEN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG) 2012

MONEY SERVICES BUSINESS (MONEY SERVICES BUSINESS AGENTS) REGULATIONS 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG 2011

PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG
(EJEN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 78(1), subseksyen 42(2) dan perenggan 43(1)(b) Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [*Akta 731*], Bank, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perniagaan Perkhidmatan Wang (Ejen Perniagaan Perkhidmatan Wang) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2011.

Pelantikan ejen perniagaan perkhidmatan wang

2. Seseorang pemegang lesen yang mempunyai dana modal minimum sebanyak dua juta ringgit layak untuk memohon bagi melantik seorang ejen perniagaan perkhidmatan wang.

Permohonan dan pemberian kelulusan

3. Seseorang pemegang lesen dalam memohon untuk melantik seorang ejen perniagaan perkhidmatan wang di bawah subseksyen 42(1) Akta hendaklah mengemukakan kepada Bank maklumat yang berikut:

(a) nama, alamat, butir-butir bagi menghubungi ejen perniagaan perkhidmatan wang yang dicadangkan dan suatu perihalan mengenai aktiviti perniagaan sedia ada ejen itu;

(b) suatu pernyataan bahawa pemegang syer, pengarah dan mana-mana orang yang mempunyai kawalan ke atas operasi perniagaan ejen perniagaan perkhidmatan wang yang dicadangkan itu telah memenuhi kriteria minimum orang yang “layak dan